



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

MEI 2022

MAY 2022



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.3 PERATUS BULAN-KE-BULAN BAGI BULAN MEI 2022.

1. Bagi bulan Mei 2022, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.3 peratus bulan-ke-bulan berbanding dengan bulan April 2022. Ini adalah disebabkan oleh penurunan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus. Walaubagaimanapun, penurunan indeks tersebut diimbangi oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 0.3 peratus.
2. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 3.8 peratus berbanding dengan bulan Mei 2021. Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 5.4 peratus dan 3.4 peratus.
3. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti minyak dan lemak 20.5 peratus, daging 11.4 peratus dan ikan dan makanan laut 6.9 peratus. Peningkatan harga minyak dan lemak adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak masak selaras dengan peningkatan harga import berikutan peningkatan bahan input minyak sayuran dan minyak sawit. Kenaikan harga daging ayam adalah penyumbang utama kepada peningkatan harga daging disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam. Manakala, peningkatan harga ikan dan makanan laut adalah disebabkan oleh cuaca yang tidak menentu dan kekurangan buruh.
4. Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 14.5 peratus; Pengangkutan 4.9 peratus; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.3 peratus.
5. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan. Manakala, peningkatan dalam Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan. Kenaikan kos penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman; dan harga sewa kediaman telah mendorong kepada peningkatan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain.
6. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.3 PER CENT
MONTH-ON-MONTH IN MAY 2022.**

1. *In May 2022, the Consumer Price Index (CPI) decreased by 0.3 per cent compared to April 2022. This was driven by the decrease in Non-Food Index by 0.4 per cent. However, the decline in the index was offset by an increase in the Food and Non-Alcoholic Beverages Index by 0.3 per cent.*
2. *For year-on-year changes, the CPI increased by 3.8 per cent compared to May 2021. The rise in the CPI was in line with the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages and Non-Food prices by 5.4 per cent and 3.4 per cent respectively.*
3. *The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in prices of food such as oil and fats 20.5 per cent; meat 11.4 per cent; and fish and seafood 6.9 per cent. The rise in the price of oil and fats is primarily due to an increase in the price of cooking oil, which corresponds to an increase in import prices due to an increase in the price of vegetable oil and palm oil input materials. Chicken meat is the main contributor to the increase in meat prices, due to the increase in the cost of chicken feed. Meanwhile, the rise in fish and seafood prices is due to unfavourable weather and labour shortage.*
4. *The increase in the Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services 14.5 per cent; Transport 4.9 per cent; and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels 2.3 per cent.*
5. *Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance. Meanwhile, the increase in Transport was mainly due to the increase in motor cars and air fares. Rising cost of maintenance and repair of the dwelling as well as prices of rental for housing drove up Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels prices.*
6. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for May 2022 is available from DEPS' website: <https://deps.mofe.gov.bn>.*